

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH Y.B. DATUK SERI DR S SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO MANSOR BIN OTHMAN
[NIBONG TEBAL]**

SOALAN :

YB DATO MANSOR BIN OTHMAN [NIBONG TEBAL] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan status kemajuan cadangan pembinaan Hospital Awam baru di Parlimen Nibong Tebal bagi mengatasi kekangan-kekangan yang berdepan dengan Hospital sekarang.

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Kesihatan Malaysia bercadang untuk membina sebuah hospital baru bagi menggantikan Hospital Sungai Bakap yang telah uzur dan tidak dapat lagi menampung keperluan penduduk setempat. Sehubungan dengan itu, KKM sedang alam proses mengenalpasti tapak yang bersesuaian bagi tujuan pembinaan hospital ini. KKM bercadang untuk memohon peruntukan bagi perolehan tanah bagi pembangunan hospital baru ini di dalam Rancangan Malaysia ke 11. Buat masa ini, hospital yang sedia ada akan terus menyediakan perkhidmatan rawatan asas dan perkhidmatan kepakaran melalui lawatan-lawatan pakar mengikut jadual kepada masyarakat setempat khususnya di daerah Seberang Perai Selatan.